



LAPORAN LIPUTAN MEDIA

SABTU , 20 JANUARI 2018

- 1. BENIH BLACK MADRAS DISELUDUP PEKERJA THAILAND – UM, 1**
- 2. PADI VAREATI BLACK MADRAS TIDAK DIIKTIRAF – SH PULAU PINANG, 38**
- 3. PADI VAREATI BLACK MADRAS TIDAK DIIKTIRAF – SH JOHOR, 42**
- 4. DISELUDUP PEKERJA THAILAND – UM, 5**
- 5. PADI HARAM BAHAYA JEJAS KUALITI TANAMAN – UM, 5**
- 6. JANGAN GUNA BENIH PADI TIDAK DIIKTIRAF, MADA – UM, 5**
- 7. PETANI DILARANG SELUDUP BENIH PADI DARI LUAR NEGARA – KOSMO, 19**
- 8. ENAM PENIAGA DURIAN DIKOMPAN – HM,39**
- 9. RM15 MODAL AWAL JERUK PAK ALI – PORTAL ISLAM DAN MELAYU, ONLINE**

UKKMOA

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)**


TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/1/2018	UTUSAN MAIAYSIA	DALAM NEGERI	1

Benih Black Madras diseludup pekerja Thailand

➤ Benih padi Black Madras yang ditanam secara haram di Perlis diseludup pekerja Thailand.

➤ Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani pandang serius perkara tersebut.

➤ Beri amaran mana-mana pesawah guna benih itu tidak akan diberi subsidi atau insentif.

 Penggunaan benih padi yang tidak diiktiraf MARDI tidak digalakkan dan boleh menyebabkan kekurangan hasil, penyakit mudah merebak serta merugikan pesawah sendiri dan juga negara.

SHAMSUDDIN ISMAIL
Setlusaha Bahagian Industri Padi dan Beras Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani

BERITA DI MUKA 5

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/1/2018	SINAR HARIAN	PULAU PINANG	38

Padi varieti Black Madras tidak diiktiraf

ALORSETAR-Penanaman padi varieti Black Madras yang mempunyai karakter berdaun ungu merupakan varieti yang tidak diiktiraf oleh Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Mardi) untuk ditanam di Malaysia.

Ketua cawangan Komunikasi Korporat Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (Mada), Mohd Hafizi Zakaria berkata, setakat ini tanaman padi varieti terbabit dikesan ditanam seorang peladang di kawasan Tambun Tulang, Perlis dengan keluasan 0.072 hektar.

"Pihak Mada telah mengesan penanaman padi varieti Black Madras itu di Perlis. Pemantauan berterusan dibuat sejak ia mula dikesan pada awal Januari lalu, bagi pastikan tiada bawaan perosak dan penyakit daripada varieti itu menjejaskan varieti lain yang ditanam oleh peladang berdekatan," katanya.

Menurutnya, pihaknya menasihatkan peladang agar sentiasa menggunakan benih padi sah yang diiktiraf dalam negara.



Gambar yang tular di Facebook.

"Penggunaan benih tidak sah berkemungkinan boleh menyebabkan kehilangan hasil yang teruk," katanya.

Baru-baru ini tular gambar di Facebook memaparkan kawasan sawah berwarna ungu, yang ditanam padi varieti Black Madras di Perlis. Benih padi itu dipercayai dibawa masuk secara tidak sah dari Korea Selatan.

Headline	Padi varieti Black Madras tidak diiktiraf		
MediaTitle	Sinar Harian (Johor)		
Date	20 Jan 2018	Color	Full Color
Section	News	Circulation	160,000
Page No	42	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	156 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,093
Frequency	Daily	PR Value	RM 3,278



Padi varieti Black Madras tidak diiktiraf

ALORSETAR-Penanaman padi varieti Black Madras yang mempunyai karakter berdaun ungu merupakan varieti yang tidak diiktiraf oleh Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Mardi) untuk ditanam di Malaysia.

Ketua cawangan Komunikasi Korporat Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (Mada), Mohd Hafizi Zakaria berkata, setakat ini tanaman padi varieti terbabit dikesan ditanam seorang peladang di kawasan Tambun Tulang, Perlis dengan keluasan 0.072 hektar.

"Pihak Mada telah meningesan penanaman padi varieti Black Madras itu

di Perlis. Pemantauan berterusan dibuat sejak ia mula dikesan pada awal Januari lalu, bagi pastikan tiada bawaan perosak dan penyakit daripada varieti itu menjejaskan varieti lain yang ditanam oleh peladang berdekatan," katanya.

Menurutnya, pihaknya menasihatkan peladang agar sentiasa menggunakan benih padi sah yang diiktiraf dalam negara.



Gambar yang tular di Facebook.

Black Madrass... benih padi yang dibawa masuk secara tidak sah dari Korea Selatan masuk melalui kapal terbang. Padi yang berasnya panjang dan kurang kanji...cantik daun berwarna ungu dan jika dilihat dari jauh nampak seperti hitam... (ditanam di Perlis, tetapi Jabatan Pertanian telah kurantin padi ini, bimbang penyakit bawaan akan merebak... Korea Selatan dengan Malaysia cuaca tak sama)

"Penggunaan benih tidak sah berkemungkinan boleh menyebabkan kehilangan hasil yang teruk" katanya.

Baru-baru ini tular gambar di Facebook memaparkan kawasan sawah berwarna ungu, yang ditanam padi varieti Black Madras di Perlis. Benih padi itu dipercayai dibawa masuk secara tidak sah dari Korea Selatan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/1/2018	UTUSAN MAIAYSIA	DALAM NEGERI	5

Penanam padi Black Madras tidak layak terima bantuan subsidi, insentif Diseludup pekerja Thailand

Oleh SAFINA RAMLI
pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 19 JAN.

BENIH padi Black Madras yang penanamannya secara haram di Tambun Tulang, Perlis dibongkar melalui laporan eksklusif *Utusan Malaysia* semalam didapati diseludup masuk oleh pekerja Thailand yang diupah untuk bekerja di sawah tanpa melalui sebarang proses kuarantin atau kelulusan.

Seluasuala Bahagian Industri Padi dan Beras Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Shamsuddin Ismail berkata, padi Black Madras itu akan dituai

dalam masa 10 hari lagi dan pemiliknya telah dinasihatkan supaya tidak menjual padi tersebut kepada mana-mana pembeli yang berminat.

"Benih padi ini tidak diiktiraf kerana boleh membawa penyakit berbahaya serta boleh memberi ancaman kepada benih padi tempatan, penanaman berterusan perlu dijangka.

"Pemeriksaan sentiasa dibuat oleh Pegawai Pertanian Perlis, Institut Kemajuan dan Penyelidikan Pertanian (MARDI) negeri, Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) dan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) sejak Disember tahun lalu ke kawasan tersebut bagi memantau dan menganalisis padi ini," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Semalam, Jabatan Pertanian Negeri Perlis membongkar kegiatan penanaman padi Black Madras, sejenis padi asing berwarna hitam yang dikatakan dari Korea, yang ditanam secara ha-



Padi haram dibongkar

Padi Black Madras: Penduduk petani terkejut



KERATAY Utusan Malaysia semalam.

ram di Perlis.

Menurut Shamsuddin, pihaknya juga mendapati padi Black

Madras itu ditanam bagi tujuan kegunaan sendiri dan bukan untuk tujuan komersial.

Dalam pada itu, katanya, Kementerian berharap agar petani lain dapat menggunakan benih padi sah serta dikeluaran oleh pengeluar yang sah supaya tidak berlakunya kerugian dan penyakit tanaman lain.

"Penggunaan benih padi yang tidak diiktiraf oleh pihak MARDI tidak digalakkan dan boleh menyebabkan kekurangan hasil, penyakit mudah merebak serta merugikan pesawah sendiri dan juga negara," katanya.

Sementara itu, Ketua Pengarah Maqis, Datuk Mokhtaruddin Husain dalam kenyataan berkata, Maqis telah mempertingkatkan pengawalpenguasaan di semua pintu masuk di mana kawalan ketat dibuat terhadap sebarang kemasukan produk pertanian (haiwan, tumbuhan dan ikan) ke dalam negara bagi mengelakkan perkaru yang sama berulang.

"Sekiranya terdapat kemasukan produk dan hasil tumbuhan tanpa permit yang sah (benih padi) tindakan undang-undang akan dikenakan," katanya.



FATIMAH MOHAMED ARSHAD ABUL SHUKOR JURAIMI

Padi haram bahaya, jejas kualiti tanaman

KUALA LUMPUR 19 Jan. - Penanaman benih padi yang diimport secara haram seperti Black Madras bukan sahaja melanggar undang-undang malah mampu menjejaskan produktiviti dan kualiti hasil tanaman padi tempatan.

Pengarah Institut Kajian Dasar Pertanian dan Makanan, Putra Infoport, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof. Datu Paduka Dr. Fatimah Mohamed Arshad berkata, penggunaan benih padi import haram bukanlah perkara baharu sebaliknya sudah dibuat secara berbilion oleh golongan petani demi mengaut pulangan yang tinggi.

"Ini bukan perkara baharu, mereka mengambil benih padi dari luar negara kerana ingatkan kepelbagaian dalam menghasilkan beras untuk dijual dalam pasaran dengan harga yang lebih murah berbanding dengan beras tempatan.

Tetapi jika ia menjadi kreatif dan meluaskan perniagaan sekalipun, jalinan pemilikan dari prosedur kuarantin benih padi dengan pihak berkuasa terlebih dahulu, jangan sampai ia menyebarkan penyakit dan mengancam tanaman padi tempatan," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Beliau mengulas mengenai penderfahan Jabatan Peranti-

an Negeri Perlis yang mengesan kegiatan penanaman padi Black Madras, sejenis padi asing berwarna hitam berasal dari Korea yang ditanam secara haram di Tambun Tulang, Perlis baru-baru ini.

Benih padi yang diperkaya dibawa masuk secara haram melalui kapal terbang itu dikesan melalui seorang pemilik tanaman padi yang mula mengiklankan penjualan benih di laman Facebook beberapa hari lalu.

Dalam pada itu, Ahli Jawatankuasa Khusek Pertanian dan Makanan, Majlis Profesor Negara (MPN), Prof. Dr. Abdul Shukur Juraimi berkata, tanaman benih padi haram perlu ditangani segera memandangkan masalah rasai yang belum menyedari bahaya menggunakan benih padi import tanpa melalui sebarang pemeriksaan.

"Soal tanaman padi berkait rapat dengan keselamatan makanan, jika tidak melalui prosedur yang betul dan dikuarantin, tanaman padi boleh rosak dengan begitu sahaja.

"Jadi penting untuk orang ramai diberikan pendedahan mengenai perkara ini, penyakit seperti fungus atau karah mampu menyerang tanaman malah akan memberi kesan sehingga bertahun-tahun, kita tidak mahu perkara ini berlaku," katanya.

Jangan guna benih padi tidak diiktiraf - MADA

ARAU 19 Jan. - Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) mengingatkan para pesawah supaya menggunakan benih padi yang sah dan diiktiraf.

Ketua Cawangan Komunikasi Korporat MADA, Mohd. Hafiz Zakaria berkata, penggunaan benih tidak sah berkemungkinan boleh menyebabkan para petani kehilangan hasil yang banyak.

Beliau berkata, setakat ini, pihaknya mengesan hanya seorang pesawah di kawasan kendaliannya terlibat dalam penanaman padi Black Madras yang

memunyai karakter daun ungu daripada varieti yang tidak diiktiraf oleh Institut Kemajuan dan Penyelidikan Pertanian (MARDI) untuk ditanam di Malaysia.

"Daripada pemantauan yang dibuat, varieti ini ditanam oleh seorang pesawah di kawasan Tambun Tulang, Arau di Perlis dengan keluasan dua rekang.

"Kita membuat pemantauan berterusan sejak mula dikesan pada awal Januari lalu bagi memastikan tiada kawasan perosak dan penyakit daripada varieti ini dan boleh menjejaskan varieti

lain yang ditanam oleh pesawah," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Utusan Malaysia semalam melaporkan Jabatan Pertanian negeri membongkar kegiatan penanaman padi Black Madras, sejenis padi asing berwarna hitam ditanam berasal dari Korea, yang ditanam secara haram di Tambun Tulang di sini.

Tanaman yang benihnya dipercayai dibawa masuk secara haram melalui kapal terbang itu, dikenali agensi tersebut melalui pemiliknya mula mengiklankan

penjualan benihnya di Facebook beberapa hari lalu.

Tinjauan *Utusan Malaysia* semalam pula mendapati padi itu ditanam di kawasan seluas 0.4 hektar di Kampung Pida 3, Semut Gatat di sini yang mana penduduk serta para petani di kawasan Tambun Tulang dan sekitarnya menyedari kewujudannya sejak sebelum ini.

Bagaimanapun kebanyakan penduduk tidak menyangka bahawa padi yang dikenal sebagai Black Madras itu sebenarnya tidak dibenarkan di tanam di negara ini.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/1/2018	KOSMO	NEGARA	19

Petani dilarang seludup benih padi dari luar negara

KUANTAN - Petani di negeri ini dilarang membawa masuk benih padi dari luar negara secara haram bagi memastikan tiada penyakit baharu dan serangga perosak menyering tanaman itu di negeri ini.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar, Pertanian dan Industri Asas Tani Pahang, Datuk Seri Shafik Fauzan Sharif berkata, setakat ini pihaknya tidak menerima sebarang laporan mengenai perkara itu, namun kegiatan itu tetap dipantau.

"Kemasukan benih padi tanpa melalui pemeriksaan dan kuarantin akan mem-

bawa masuk sama penyakit dan penggunaan benih tidak sah ini juga boleh menyebabkan kehilangan hasil yang teruk," katanya kepada pemberita di sini semalam.

Rabu lalu Jabatan Pertanian Perlis membongkar kegiatan penanaman padi 'Black Madras', sejenis padi asing berwarna hitam dikatakan berasal dari Korea yang ditanam secara haram di Tambun Tulang, Perlis.

Benihnya yang dipercayai dibawa masuk secara haram dikesan oleh agensi itu setelah pemiliknya mula mengiklankan penjualan benihnya di Facebook beberapa hari lalu.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/1/2018	HARIAN METRO	STEMPAT	39



**Enam
peniaga
durian
dikompaun**

Kuantan: Akibat menggunakan alat penimbang tidak diperakui serta gagal meletakkan tanda harga, enam peniaga durian di negeri ini dikompaun Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) Pahang, kelmarin.

Pengarahnya Datuk Mark Ujin berkata, semua peniaga terbabit dikenakan tindakan dalam pemeriksaan dilakukan sejak 1 Januari hingga kelmarin.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKASURAT
20.1.2018	PORTAL ISLAM DAN MELAYU		ONLINE



RM15 Modal Awal 'Jeruk Pak Ali'

ALOR SETAR, 3 Jamadilawal 1439H, Sabtu – Kisah kejayaan pengeluar jeruk terkenal Pulau Pinang, Pak Ali, adalah antara sorotan utama yang diketengahkan pada karnival kewangan Bank Negara Malaysia (BNM), bagi berkongsi kejayaan syarikat itu kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS).

Pengarah Urusan Pak Ali Industries Sdn Bhd, Alias Ali berkata, bermula daripada hanya perniagaan kecil-kecilan dengan berbekalkan wang saku sebanyak RM15, perusahaan Pak Ali kini telah berkembang pesat hingga berjaya menembusi pasaran antarabangsa seperti Brunei, Singapura dan malahan hingga ke Ireland.

Alias berkata, kerajaan menerusi beberapa agensinya telah menyediakan banyak insentif kepada PKS untuk membantu mereka mengembangkan perniagaan.

Justeru, katanya, syarikat tempatan perlu berusaha keras untuk meningkatkan perniagaan mereka agar kekal relevan serta dapat mengekalkan pendapatan mereka.

"Saya dan anak-anak banyak menghadiri kursus dan program dikendalikan oleh Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Mardi) umpamanya, dan di situlah kami menimba ilmu untuk memperbaiki kualiti produk dan pada masa yang sama mempelajari perkara baharu.

"Kini semuanya banyak dilakukan secara automatik di mana ianya dapat dikawal melalui telefon bimbit," katanya kepada pemberita pada karnival yang berlangsung selama tiga hari itu yang bermula semalam.

Beliau berkata, syarikat itu banyak menggunakan teknologi dalam mempercepatkan proses perniagaannya, terutama untuk mengira stok dan akaun.

Bagaimanapun, Alias menegaskan syarikat itu masih terus menggunakan tenaga kerja kerana ia mahu berkongsi pendapatan dengan mereka.

“Buah-buahan kami masih lagi dipotong secara manual iaitu menggunakan pekerja tempatan dan tidak bergantung sepenuhnya kepada teknologi moden. Ini kerana kami mahu membantu meningkatkan taraf hidup orang kampung.

“Bermula dengan pekerja seramai enam orang pada tahun 2009, kami kini mempunyai lebih daripada 400 orang pekerja dan mereka berjaya memperoleh pendapatan sehingga RM3,000 sebulan,” katanya.

Alias berkata, selain jeruk buah-buahan (sebanyak 28 jenis) , syarikat Pak Ali turut menjual produk lain termasuk dodol, jus buah pala, sos rojak dan sambal ikan bilis.

Katanya, syarikat itu kini menjual lebih kurang 300 tan jeruk setiap bulan (berbanding 10 tan pada tahun 2009) melalui 50 stokis di seluruh negara.

Syarikat tersebut pada tahun lepas telah dinobatkan sebagai pemenang utama Anugerah Agropreneur Cemerlang dalam Majlis Anugerah Agropreneur Agrobank (AAA) 2017. – Bernama